

U GB 10-12 00191 BB282

AAB

Mahathir - Li Peng (Embargo: Untuk siaran selepas 11 malam ini)

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- China berkemungkinan menjadi rakan dialog ASEAN pada masa depan memandangkan ekonominya yang telah berkembang menjadi sebuah ekonomi yang kuat, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Beliau berkata sungguhpun China bukan merupakan salah satu daripada enam rakan dialog ASEAN, tetapi memandangkan ekonominya yang sedang berkembang dan China merupakan salah sebuah negara Asia Pasifik, China mungkin boleh menjadi rakan dialog ASEAN.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata ASEAN memberi pertimbangan yang berat mengenai perhubungan dengan China dan ini dapat disaksikan dengan pemulihan semula hubungan diplomatik antara Indonesia dan Singapura dengan China tahun ini.

+Ini membuktikan ASEAN mengakui peranan yang boleh dimainkan oleh China dalam menentukan kestabilan dan kemakmuran rantau ini,+ katanya pada jamuan malam bagi meraikan Perdana Menteri China, Encik Li Peng, yang dalam lawatan rasmi selama empat hari ke Malaysia.

Beliau juga membangkitkan kecenderungan mendirikan blok ekonomi di kalangan negara-negara di dunia ini seperti Amerika Syarikat, Kanada dan Mexico serta Persatuan Ekonomi Eropah dan Eropah Timur. -- Lagi

♥10/12/20-32MST

AAB

Mahathir - Li Peng (Embargo) 2 Kuala Lumpur

+Malaysia tidak bersetuju dengan perwujudan blok ekonomi tetapi kenyataannya ialah banyak negara maju di Barat sudahpun membentuk blok ekonomi dan menggunakan kekuatan ekonomi untuk menyekat perdagangan bebas dan seimbang,+ kata beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata negara-negara Asia Pasifik hendaklah mengeratkan lagi hubungan ekonomi dan pasaran mereka supaya satu blok ekonomi dapat diwujudkan bagi mengimbangi kesan blok-blok ekonomi yang lain.

+Malaysia berpendapat China harus memainkan peranan penting dalam penubuhan blok ini supaya dapat melindungi perdagangan seimbang di seluruh dunia,+ tambah beliau.

Beliau juga berkata kejayaan ASEAN dalam pembangunan ekonomi dan kerjasama serantau mungkin tidak mudah dicapai sekiranya ASEAN tidak mendapat kerjasama dan persefahaman daripada negara-negara besar seperti China.

+Kami berasa senang hati apabila China berulang kali menyatakan komitmennya kepada prinsip hidup bersama dan tidak mencampuri hal ehwal negara lain. Pendirian ini merupakan faktor terpenting yang memupuk keyakinan dalam hubungan di antara China dan Malaysia,+ katanya. -- Lagi

♥10/12/20-32MST

AAB

Mahathir - Li Peng (Embargo) 3 Kuala Lumpur

+Oleh itu, walaupun telah berlaku beberapa peristiwa politik di China pada Jun tahun lepas, hubungan Malaysia dengan China tidak terjejas dan hubungan ekonomi terus meningkat,+ katanya.

Sebanyak 13 projek usahasama di antara para pelabur Malaysia dan Syarikat Perbadanan China yang bernilai AS\$500 juta (kira-kira \$1,350 juta) telah ditubuhkan di China dan di Malaysia dengan tujuh buah projek usahasama di antara kedua-dua buah negara telah diluluskan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata Malaysia sentiasa mengambil langkah mempereratkan hubungan dengan China yang mula terjalin ekoran lawatan Perdana Menteri Kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak, pada tahun 1974.

Datuk Seri Dr Mahathir telah melawat China pada tahun 1985.

Beliau berkata dalam masa lima tahun lepas, kedua-dua buah negara menyediakan satu rangka kerja bagi meningkatkan lagi hubungan perdagangan dan ini dapat dilihat melalui perjanjian mengenai perdagangan, jaminan pelaburan, mengelakkan cukai dua kali, penerbangan awam dan perkapalan. --  
Bernama

♥10/12/20-33MST